

BAB : KEDUA

SADD AL-DHARĀ'I MENURUT PANDANGAN ULAMA

PERUNDANGAN ISLAM

2.1. Pendahuluan.

Sadd al-Dharā'i merupakan sumber hukum yang tidak bercanggah dengan naluri manusia bahkan adalah di antara asas utama untuk menjaga peraturan-peraturan, undang-undang sosial, ekonomi, politik, moral, kesihatan dan segala yang berhubungan dengan kehidupan manusia.(1)

Ini telah dinyatakan oleh Ibnu Qayyim: "Segala tujuan tidak boleh dicapai kecuali dengan beberapa perantara. Maka perantara tersebut selalu ikut bersamanya. Oleh itu, segala perantara yang boleh membawa kepada yang haram dan maksiat, kedudukan hukumnya sama dengan tujuan dan segala yang berkaitan dengannya. Begitu juga yang berupa ketaatan kepada Allah swt, keizinan yang diberikan Allah swt bergantung kepada kebaikan yang dituju". (2)

Pendapat-pendapat para juris merupakan panduan utama untuk mengetahui kedudukan kaedah ini dalam Perundangan Islam

.2.2. Pendapat para ulama mengenai Sadd al-Dharā'i

Para ulama telah bermuafakat tentang hukum al-Dharā'i yang telah ada nas, sama ada daripada al-Qur'an atau ḥadīth. Namun tentang hukum al-Dharā'i yang tidak ada padanya nas, para ulama tidak bermuafakat ke atasnya.

al-Dharā'i secara keseluruhan boleh membawa kepada kebaikan dan kerosakan. Oleh itu, segala al-Dharā'i yang boleh membawa kepada kerosakan sama ada secara pasti atau andaian yang kuat adalah dilarang dan diharamkan secara ijma', kerana segala hukum-hakam syarak dibina atas dasar kebaikan. Dan al-Dharā'i yang boleh membawa kepada kebaikan atau kerosakan secara tidak pasti atau andaian yang lemah, para juris berselisih pendapat mengenai hukum dan kehujahannya.(3)

Dalam perbahasan ini akan dijelaskan beberapa keterangan tentang kehujahan Sadd al-Dharā'i serta segala yang berhubungkait dengannya.

Ada beberapa pendapat para juris yang dapat disebutkan, iaitu;

Pertama: Pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hambal, iaitu: Sadd al-Dharā'i merupakan sumber hukum dalam Islam.(4) Bahkan Ibnu Qayyim mengatakan: Sadd al-Dharā'i merupakan satu perempat daripada hukum taklif.(5)

Kedua : Pendapat Imam Abū Hanīfah dan Imām Syāfi'i, iaitu: Jika sudah jelas salah satu di antara kebaikan dan kerosakan pada suatu perkara itu, maka wajib dipatuhi. Dan jika terdapat persamaan antara kebaikan dan kerosakan, maka yang menjadi dasar adalah Sadd al-Dharā'i sesuai dengan kaedah Fiqhiyah: "Menolak kerosakan adalah didahulukan ke atas menarik kebaikan".

Jadi pendapat kedua-dua imam ini adalah: Sadd al-Dharā'i merupakan sebagai sumber hukum dalam Islam.(6). Selanjutnya akan ada perbincangan yang khas mengenai pendapat Imam Syāfi'i tentang kaedah ini.

Ketiga : Pendapat Ibnu Hazm al-Zāhiri dan ketetapan Mazhab al-Zāhiriyyah, mengatakan Sadd al-Dharā'i tidak termasuk dalam sumber hukum Islam secara mutlak.(7)

Maka jelaslah bahawa para juris berselisih pendapat mengenai kehujahan Sadd al-Dharā'i, kerana sesetengah mereka menjadikan kaedah ini sebagai sumber hukum dalam Islam. Sesetengah mereka pula mengambil sebahagian daripadanya dan meninggalkannya di dalam yang lain. Ada pula di antara mereka yang secara terang-terangan menafak dan tidak menggunakannya sebagai sumber hukum.

Namun kalau kita lihat keterangan Ibnu Qayyim dalam kitab 'Alām al-Muwaqqi'in, beliau telah menulis 99 contoh kaedah ini. Bahkan beliau berkata: Sadd al-Dharā'i merupakan seperempat hukum taklif, kerana hukum taklif tersebut kadang-kadang merupakan perintah dan kadang-kadang larangan. Dan perintah pula ada yang ditujukan kepada kebaikan dan ada juga sebagai perantara kepada kebaikan. Begitu juga larangan, kadang-kadang suatu yang dilarang itu adalah kerosakan dan kadang-kadang pula merupakan perantara kepada kerosakan. Oleh itu, pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam suatu yang boleh membawa kepada yang haram merupakan salah satu daripada seperempat agama.(8)

2.3. Sebab perselisihan antara para ulama dalam masalah kehujahan Sadd al-Dharā'i.

Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hambal menjadikan Sadd al-Dharā'i salah satu sumber hukum Islam yang berdiri sendiri dan juga muktabar. Maka selama sesuatu perbuatan boleh menjadi perantara kepada yang sudah jelas merosak mestilah dicegah. Kerana syari'at mencegah segala yang berbentuk kerosakan dengan menutup segala jalan yang menuju kepadanya. Kedua imam ini melihat kepada tujuan, akibat dan kesan perbuatan tersebut.

Imam Abu Hanifah dan Imam Syāfi'i mengatakan : "Sesungguhnya segala perbuatan yang boleh membawa kepada kerosakan secara tidak pasti dan andaian yang lemah pada asalnya adalah harus dan tidak dilarang, kerana ia hanya sebagai andaian dan perkiraan sahaja. Kedua imam ini melihat kepada asal hukumnya, iaitu harus tanpa mengambil kira kepada tujuan, akibat dan kesan yang ditimbulkan.(9)

Manakala pendapat Ibnu Hazm al-Zāhiri dan mazhab al-Zāhiriyyah berdasarkan kepada andaian mereka, bahawa Sadd al-Dharā'i merupakan sumber hukum yang berupa ijtihād yang disandarkan kepada akal fikiran, kerana mereka hanya berpegang kepada nas-nas yang zahir sahaja tanpa membuat penelitian lain yang lebih sesuai. Dan juga mereka menolak segala bentuk sumber hukum yang berdasarkan kepada ijtiḥad.(10)

2.4. Imam Abū Hanīfah dan Sadd al-Dharā'i.

Walaupun dalam sumber-sumber hukum Imam Abū Hanīfah atau mazhab Hanafi tidak disebut bahawa Sadd al-Dharā'i merupakan salah satu sumber hukum baginya. Namun kalau diteliti di antara kitab-kitab fiqh yang ditulis oleh para juris Hanafi, seperti Badā'i al-Sonā'i oleh al-Kasai, al-Hidāyah oleh al-Marghinānī, Fath al-Qadīr oleh Ibnu Aḥ-ṣam, al-Mabsūṭ oleh al-Sarkhasī, Hāsyiyah Radd al-Mukhtār 'ala al-Dur al-Mukhtār oleh Ibnu 'Abidīn didapati contoh-contoh hukum yang memakai Sadd al-Dharā'i.

Di antara contoh tersebut adalah:

1. Ibnu 'Abidin memfatwakan bahawa dilarang menyediakan bilik-bilik tidur dan seumpamanya bagi para pelajar dalam masjid, walaupun pada dasarnya dapat menolong para pelajar yang fakir/miskin dalam mendapatkan ilmu pengetahuan. Kerana ini dapat menjadi perantara kepada kekotoran masjid. Kebiasaannya para pelajar akan memasak, makan, minum, mandi, membasuh pakaian dan sebagainya dalam masjid tersebut.(11).
2. Tidak dibenarkan wanita-wanita muda keluar berpoya-poya di khalayak ramai, berdasarkan kepada pandangan Umar bin Khattab r.a yang ditakuti berlakunya fitnah yang diharamkan.(12)
3. Makruh hukumnya bagi orang yang sedang berpuasa melakukan al-mubasyarah al-fahisyah (bercumbu rayu yang berlebih-lebihan) antara suami dan isteri pada siang hari bulan Ramadan. Kerana boleh menyebabkan persetubuhan yang diharamkan.(13)

4. Taubat seorang Zindīq (orang yang tidak bertuhan) yang murtad tidak diterima, kerana kalau diterima, bererti mempermudah serta memperolok ajaran agama yang suci dan juga merupakan benteng terhadap niatnya yang buruk. (14)

5. Dalam kitab al-Hidāyah dinyatakan bahawa dilarang wanita yang berkabung kerana kematian suaminya memakai wangi-wangian, perhiasan, celak mata dan seumpamanya. Kerana ianya boleh menimbulkan tafsiran yang negatif yang diharamkan oleh syari'at. (15)

Muhammad Hisham al-Burhani penulis kitab *Sadd al-Dharā'i fi al-Syari'ah al-Islāmiyah* dalam kitabnya menjelaskan: "Walaupun dalam sumber-sumber hukum mazhab Hanafi tidak disebutkan Sadd al-Dharā'i, tidak bererti meninggalkannya dalam pendapat dan ketetapan hukum mereka terhadap sesuatu masalah".

Selanjutnya beliau menyatakan:

1. al-Istihsān dalam mazhab Hanafi merupakan suatu bab yang menjurus kepada pemakaian Maslahah dan Sadd al-Dharā'i. Bahkan sebahagian bentuk al-Istihsān menurut mereka merupakan Sadd al-Dharā'i yang sebenar menurut ulama Mālikiyah.

Daripada keterangan ini jelaslah bahawa perbezaan di antara kedua mazhab ini hanyalah dalam masalah nama sahaja.

2. Dalam mazhab Hanafi didapati dengan nyata bahawa di antara sumber-sumber hukum yang dipakai oleh mereka dalam menetapkan hukum terhadap sesuatu masalah adalah Sadd al-Dharā'i, (16) seperti dalam contoh-contoh yang lepas.

Daripada keterangan ini jelaslah, perkara ini merupakan alasan yang kuat bagi kita untuk menyatakan bahawa Sadd al-Dharā'i merupakan salah satu sumber hukum dalam mazhab Hanafi

2.5. Imam Syāfi'ī dan Sadd al-Dharā'i.

Ada beberapa pendapat para juris yang menjelaskan pendapat Imam Syāfi'ī tentang Sadd al-Dharā'i, iaitu:

1. Sadd al-Dharā'i bukanlah sumber hukum bagi Imam Syāfi'ī secara mutlak. Oleh itu, beliau tidak mengatakan hukum al-Wasilah (perantara) sama dengan hukum al-Maqṣad (tujuan). (17)
2. Sadd al-Dharā'i adalah di antara sumber hukum dalam Islam secara mutlak. Namun jika ada dalil yang lebih kuat dan jelas, maka beliau meninggalkan kaedah ini dan melaksanakan dalil yang lebih kuat dan jelas tersebut. Ini tidak bererti batalnya Sadd al-Dharā'i (18)
3. Imam Syāfi'ī memakai Sadd al-Dharā'i dalam sebahagian masalah dan meninggalkannya dalam sebahagian masalah yang lain. (19)

Dr. Husain Hamid Hassan mengatakan :Adapun alasan yang dipakai oleh juris yang menyatakan Imam Syāfi'ī tidak memakai Sadd al-Dharā'i sebagai sumber hukum adalah pemahaman mereka terhadap beberapa perkataan Imam Syāfi'ī

tentang beberapa masalah furū'iyah dalam fiqh yang tidak memakai Sadd al-Dharā'i.

Alasan para juris yang mengatakan bahawa Imam Syāfi'ī memakai Sadd al-Dharā'i secara mutlak adalah berdasarkan kepada penelitian dan pandangan mereka kepada hukum fiqh yang telah ditetapkan Imam Syāfi'ī sahaja, bukan atas dasar nas-nas yang jelas yang menunjukkan bahawa Imam Syāfi'ī memakai kaedah tersebut.

Jika didapati pendapat Imam Syāfi'ī dalam sebahagian masalah tidak memakai kaedah ini, bererti terdapat dalil yang lebih kuat dan jelas yang dijadikan sebagai dasar dalam masalah tersebut.

Dan alasan ulama yang selanjutnya adalah berdasarkan kepada pendapat Imam Syāfi'ī yang memakai kaedah ini dalam sebahagian masalah sahaja dan meninggalkannya dalam sebahagian lain, kerana kaedah ini tidak sesuai untuk dijadikan sebagai dasar bagi sebahagian masalah tersebut.(20)

2.6. Beberapa contoh yang menunjukkan bahawa Sadd al-Dharā'i dipakai dalam mazhab Syāfi'i.

1. Imām Syāfi'i mengatakan dalam kitab al-Umm: "...setiap air yang terdapat di padang pasir akan bertambah, sama ada yang berasal daripada mata air, perigi ataupun sungai. Jika air itu telah memenuhi keperluan pemiliknya dan juga binatang ternakan serta tanamannya, maka pemiliknya tidak dibenarkan melarang setiap makhluk hidup meminumnya. Dan tidak dibenarkan pula bagi orang lain mengambil air itu untuk menyiram tanaman dan pokok yang ditanamnya, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pemiliknya. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah saw yang bermaksud: "Barangsiapa yang mencegah lebih air daripada rumput-rumput (kerana ia sebagai makanan binatang-binatang), maka Allah swt akan menahan rahmat Nya kepadanya".

Hadīth ini menunjukkan, bahawa rumput-rumput tersebut merupakan rahmat daripada Allah swt, kerana di sebalik itu Allah swt menjadikannya sebagai rezeki bagi semua manusia. Oleh itu, tidak dibenarkan bagi sesiapa pun untuk mencegah orang lain daripada mendapatkan rezeki yang diberikan oleh Allah swt.

Kemudian Imam Syāfi'ī berkata: Daripada keterangan ini boleh diambil dua pengertian, iaitu:

1. Segala yang membawa kepada haramnya sesuatu yang telah dihalalkan oleh Allah swt adalah haram. Begitu juga haram, segala perantara yang menghalalkan yang telah diharamkan oleh Allah swt. Oleh itu, segala sesuatu yang telah menjadi perantara kepada yang halal atau haram adalah menyerupai erti halal atau haram yang sebenar.
2. Diharamkannya mencegah lebih air daripada rumput-rumput kerana boleh membawa kepada binasanya binatang-binatang ternakan dan binatang lainnya yang mana ia adalah di antara keperluan manusia dan makhluk hidup yang lain.(21)

Menurut Dr.Husain Hamid Hassan, daripada perkataan Imām Syāfi'ī ini, boleh kita fahami beberapa pengertian :

1. Sadd al-Dhara'ī bagi Imam Syāfi'ī merupakan salah satu sumber hukum Perundangan Islam, selama tidak didapati nas sama ada daripada al-Qur'ān atau ḥadīth.

2. Sadd al-Dharā'i boleh dipakai dalam setiap tempat yang memungkinkan pemakaiannya. Maka ia tidak hanya dipakai dalam sebahagian perkara dan ditinggalkan dalam yang lain. Ini jelas dalam perkataan Imam Syāfi'i ketika menerangkan pengertian yang pertama daripada hadith di atas.

3. Menurut Imam Syāfi'i kaedah al-Dhara'i boleh dipakai dalam dua perkara, iaitu Fath al-Dharā'i dan Sadd al-Dharā'i.

4. Daripada perkataan Imam Syāfi'idi atas, dapatlah kita jadikan perbandingan, bahawa tidak terdapat perbezaan antara mazhab Syāfi'i dengan mazhab Mālikī dalam al-Dharā'i(22). Kerana dalam mazhab Maliki terdapat beberapa keterangan para ulama Mālikiyah seperti al-Qarāfi dan al-Syātibī yang menerangkan kaedah ini.(23)

2. Adalah disunatkan bagi orang laki-laki yang uzur mendirikan solat Jum'at untuk tidak menampakkan diri kepada orang ramai jika sedang mendirikan solat Zuhur berjama'ah. Hal ini untuk menghindari tohmah.(24)

3. Untuk menghindari tohmah, orang yang uzur tapi tidak mengetahui perkara yang membuatnya uzur, tidak dibenarkan berbuka puasa pada siang Ramadan.(25)

4. Orang Islam laki-laki dilarang mendapatkan dan memiliki sutera dan emas perhiasan, kerana boleh menjadi perantara baginya memakai barang kemas tersebut.(26)

2.7. Beberapa contoh pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam mazhab Malīkī.

1. Tidak dibenarkan berbuka puasa bagi orang yang melihat anak bulan Syawal supaya tidak menjadi perantara dan alasan bagi orang fasiq untuk tidak berpuasa.(27)
2. Dalam mazhab Malīkī segala bentuk jual-beli yang bertangguh yang pada kebiasaannya diniatkan untuk riba adalah haram dan tidak sah. Hal ini adalah untuk menghindari berlakunya perbuatan riba yang diharamkan.(28)

2.8. Beberapa contoh pemakaian Sadd al -Dharā'i dalam mazhab Hambali.

1. Bagi orang laki-laki yang menjadi tawanan perang atau sedang berniaga di tempat terjadinya peperangan dilarang berkahwin, kerana dikhuatirkan anaknya akan dijadikan hamba abdi atau isterinya akan diperkosa oleh musuh.(29)
2. Dilarang menjual perahan buah anggur kepada orang yang kerjanya membuat arak.(30)
3. Membeli barang daripada peniaga yang sengaja memurahkan harga barangnya dengan tujuan untuk menyekat orang ramai daripada membeli kepada peniaga lain yang berada di sebelahnya adalah makruh, kerana boleh membahayakan peniaga yang disekat tersebut.(31)

2.9. Ibnu Hazm al-Zāhiri dan Sadd al-Dharā'i.

Ibnu Hazm al-Zāhiri mengingkari wujudnya Sadd al-Dharā'i, kerana kaedah ini berdasarkan kepada ijihad yang menggunakan akal fikiran. Untuk menolak segala dasar hukum yang berdasarkan kepada ijihad, Ibnu Hazm al-Zāhiri menyebutkan keterangan ini dalam kitabnya "al-Ahkām fi Uṣūl al-Ahkām.

Beliau mengatakan: "Sebahagian ulama ada yang mengharamkan perkara tertentu berdasarkan kepada ihtiyāṭ (berhati-hati) dan kkuatir terjerumus ke dalam yang haram. Pandangan mereka berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w:

"إِنَّ الْحَلَائِكَةَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا مَشْتَبَهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا
كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدِ اسْتَبْرَأَ
لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي
الْحَرَامِ كَالرَّاحِي يَرْجِي حَوَاكِيَ يَوْشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ
وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى وَحِمَى اللَّهِ عَزَامَةٌ."

Ertinya:

Perkara yang halal itu adalah jelas ,dan yang haram juga jelas, dan antara keduanya terdapat perkara-perkara syubhat yang tidak diketahui oleh orang ramai. Maka barangsiapa boleh menjauhi syubhat, bersihlah agama dan kehormatannya daripada kekurangan. Dan barangsiapa terjerumus di dalam syubhat dimisalkan bagaikan pengembala di sekitar daerah larangan yang hampir-hampir sahaja masuk di dalam daerah itu. Sesungguhnya setiap pemimpin mempunyai daerah larangan dan daerah larangan Allah adalah perkara-perkara haram yang telah ditentukan oleh Nya.(32)

Dari keterangan Ibnu Hazm al-Zāhiri di atas, dapat disimpulkan bahawa beliau menolak kaedah al-Dharā'i hanya untuk menghindar daripada syubhat yang ditakuti boleh membawa kepada yang haram.

Namun Dr.Wahbah al-Zuhaily mengatakan: Sebenarnya dasar Ibnu Hazm al-Zāhiri yang hanya menggunakan zahir perkataanlah yang menjadi punca beliau mengingkari kaedah al-Dharā'i. Oleh itu, beliau tidak pernah melihat kepada makna-makna yang tersirat di dalam nas-nas al-Qur'an atau Hadith. Bahkan kerana fanatiknya kepada dasar tersebut beliau banyak mengingkari yang sudah disepakati para ulama. Beliau menerima kesaksian seorang anak bagi ibu bapanya, ibu bapa bagi anak dan suami bagi isteri atau sebaliknya selama barsifat adil kerana andaian

negatif (tohmah) yang terdapat di dalamnya merupakan andaian sahaja dan keadilan mereka sudah nyata dan kuat untuk dijadikan sebagai dasar.(33)

Menurut Ibnu Hazm al-Zāhiri¹ hadith di atas tidak mengandungi hukum taklif, kerana segala yang haram mestilah melalui hujah yang pasti. Firman Allah swt. :

“ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ ”

Ertinya:

Allah telah menerangkan kepadamu apa-apa yang diharamkan Nya atas kamu.(34)

Maka selama tidak ada dalil yang menerangkan tentang haramnya sesuatu, ianya adalah halal berdasarkan firman Allah s.w.t:

“هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا”

Ertinya:

Dia yang menciptakan untukmu apa-apa yang di bumi semuanya.(35).

Menurut pandangannya lagi ḥadīth ini hanya merupakan motivasi dan pendorong kepada kita untuk menjadi wara' dan memelihara agama serta hawa nafsu agar tidak terjerumus ke dalam yang haram. Dan semua ini tidaklah wajib kerana wara' tersebut tidak boleh dicapai kecuali juga dengan meninggalkan sebahagian yang harus bagi menjaga hawa nafsu daripada yang merosaknya.

Ibnu Hazm al-Zāhiri menentukan sesuatu hukum hanya berdasarkan kepada zahir nas sahaja, maka ḥadīth tersebut baginya merupakan suatu nas yang nyata untuk menyatakan bahawa yang terdapat di sekitar daerah yang dilarang tidaklah dilarang.(36)

Daripada keterangan ini Dr. Wahbah al-Zuhaili mengatakan: Ibnu Hazm al-Zāhiri dalam masalah ini sependapat dengan Imam Syāfi'i yang mengatakan zan (andaian) tidak boleh dijadikan dasar untuk menghalalkan atau mengharamkan sesuatu. Maka barangsiapa yang menghukumi sesuatu itu adalah haram berdasarkan al-Dharā'i yang ada bererti ia menghukuminya berdasarkan zan (andaian).(37)

Dalam hal ini Allah s.w.t berfirman :

“إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي عَنِ الْحَقِّ شَيْئًا”

Ertinya:

Sesungguhnya prasangka itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran(38).

2.10. Persamaan pendapat antara Ibnu Hazm al-Zāhiri dengan Imam Syāfi'i dalam pemakaian kaedah al-Dhara'i.

Telah kita ketahui bahawa Imam Syāfi'i berkata : " Segala hukum-hakam hanya berdasarkan kepada yang nyata sahaja dan hanya Allah swt sahajalah yang Maha Mengetahui yang gaib. Barangsiapa yang menentukan sesuatu hukum keatasmanusia berdasarkan kepada kefahaman yang berasal daripada zan (andaian), maka ia benar-benar telah melanggar ketentuan Allah swt dan Rasul-Nya, kerana hanya Allah swt yang boleh menentukan paha atau dosa. Allah swt tidak memberatkan hamba-hambaNya dengan perkara gaib". (39)

Kalau diteliti dan difahami maksudperkataan Imam Syāfi'i ini, maka ia tidak bercanggah dengan maksudperkataan Ibnu Hazm al-Zāhiri, iaitu: "Setiap orang yang menetapkan sesuatu hukum berdasarkan kepada hati-hati dengan perkara yang belum jelas atau sesuatu yang dikhuatirkan boleh menjadi perantara kepada sesuatu kerosakan yang belum wujud, bererti ia telah menetapkan hukum tersebut berdasarkan kepada andaian. Dan jika berbuat demikian bererti ia telah berbuat dusta dan kebatilan yang dilarang. Jika seseorang mengharamkan sesuatu yang halal kerana dikhuatirkan boleh membawa kepada yang haram, seperti dimandulkannya orang yang dikhuatirkan akan melakukan perbuatan zina, dikenakannya hukuman mati ke atas orang yang beragama Islam-

yang dikhuatirkan akan menjadi kafir atau dilarang menanam anggur yang dikhuatirkan akan dibuat arak adalah pendapat yang paling buruk di bumi ini.(40)

Di antara hujjah-hujjah Ibnu Hazm al-Zāhiri adalah firman Allah swt yang mencela sesuatu kaum yang menetapkan sesuatu hukum berdasarkan kepada andain.(41)

Di antaranya adalah firman Allah swt:

“ وَظَنَنْتُمْ ظَنَّ السَّوْءِ وَكُنْتُمْ قَوْمًا بُورًا ”

Ertinya:

Dan kamu telah menyangka dengan sangkaan yang buruk dan kamu menjadi kaum yang binasa.(42)

2.11. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam fatwa-fatwa semasa.

Terdapat banyak fatwa semasa yang memakai pendekatan Sadd al-Dharā'i:

1. Fatwa Dr. Yusuf al-Qaradāwi.

a. Beliau membolehkan campur tangan kerajaan dalam menentukan gaji pekerja atau buruh. Kerana menegakkan keadilan dalam kehidupan manusia adalah salah satu daripada matlamat besar kedatangan agama Islam. Dan keadilan itu tidak akan dicapai selama didapati penyelewengan, kezaliman atau penindasan suatu pihak terhadap pihak yang lain. Rasulullah saw bersabda:

كَلِّكُمْ رَاعٍ وَكَلِّكُمْ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ فَإِلْمَامٌ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Ertinya:

Setiap kamu adalah pengembala (penguasa yang bertanggungjawab), dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap orang jagaannya (rakyatnya), maka seorang imam (pemerintah) adalah penguasa dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya.(44)

Pemerintah mempunyai kuasa untuk menyekat segala kezaliman atau penindasan terhadap rakyat dan segala perantara yang menimbulkan perkara tersebut.(45)

- b. Untuk menjaga aqidah ummat, maka Islam menyekat segala pintu yang boleh merosaknya. Berdasarkan ini, maka beliau mengharamkan patung-patung dan setiap gambar yang berjisim.(46)
- c. Beliau menyarankan agar orang-orang Islam tidak menyertai segala kegiatan pertubuhan Yahudi dan Zionis untuk menyekat segala niat buruk dan bahaya yang timbul daripada pertubuhan tersebut.(47)

2. Fatwa al-Syaikh Muhammad al-Soleh al-'Uthaymin(48):

- a. Seorang laki-laki menaiki kendaraan hanya bersama iparnya sahaja adalah haram, kerana termasuk dalam khalwat yang boleh membawa kepada yang haram.(48)
- b. Berjabat tangan dengan orang perempuan yang bukan mahram adalah haram, kerana boleh membawa kepada persentuhan yang menimbulkan fitnah yang diharamkan.(50)
- c. Tidak dibenarkan bagi orang Islam memelihara anjing di rumahnya hanya kerana hobi dan kegemarannya sahaja, kecuali anjing untuk berburu, berladang atau menjaga binatang ternakan, kerana ianya membawa kepada perbuatan yang biasa dilakukan oleh orang kafir serta boleh menimbulkan kesan-kesan negatif.(51)

3. Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia(52):

- a. Berdasarkan kepada aspek-aspek negatif yang ditimbulkan, seperti memudaratkan badan, maka Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia menetapkan bahawa sebarang penyalahgunaan, termasuk penyalahgunaan dadah hukumnya di sisi syarak adalah haram dan dengan itu ditegah sama sekali.(53)

- b. Walaupun ada yang berpendapat soal pakaian adalah bebas tetapi cara pakaian Kumpulan al-Arqam melambangkan identiti pertubuhan mereka, maka pengaharamannya mencakupi pakaian yang mereka pakai.(54)

4. Fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darus Salam(55):

- a. Berdamping dengan ahli sihir, ahli tilik, ahli nujum, jin, bomoh dan pawang adalah dosa besar, kerana selain bercanggah dengan al-Qur'ān, ḥadīth dan ijma', ia juga boleh mengagurkan Islam bahkan membawa orang yang terlibat dengan perkara tersebut kepada fasiq, bodoh, bengong, dicerca sesat dan kufur yang menimbulkan dosa-dosa besar yang membawa kemurkaan Allah swt dan azab api neraka.(56)

- b. Hukum mendengar nyanyian daripada perempuan kiranya didapati lintak-lintok adalah haram. Dan daripada anak muda adalah haram kiranya membawa fitnah.(57)

- c. Adalah salah dan sesat, jika sesuatu kumpulan membaca al-Qur'ān dan seorang menyanyi sya'ir kemudian mereka menari dan bersuka-suka sambil memukul rebana. Kerana hal tersebut boleh membawa kepada apa yang telah dilakukan oleh kaum Yahudi kumpulan orang-orang Samiri yang kemudian membawa kepada yang haram.(58)

2.12. Kesimpulan.

Daripada keterangan-keterangan sebelum ini dapatlah disimpulkan bahawa perselisihan yang terjadi di antara para juris tentang kehujjahan Sadd al-Dharā'i terdapat dalam dua perkara sahaja, iaitu:

1. Apabila perantara atau al-Dharā'ah tersebut pada kebiasaannya boleh membawa kepada kerosakan. Seperti:
 - a. Menjual senjata kepada orang yang sedang berperang dalam waktu berkecamuknya peperangan.
 - b. Menjual anggur kepada orang yang biasanya menjual arak.
2. Apabila perantara tersebut pada kebanyakannya boleh membawa kepada kerosakan. Seperti: jual-beli yang bertangguh.

Selain kedua bahagian di atas, tidak terdapat perselisihan tentang kehujjahan dan hukumnya. Maka pendapat yang wajar dilaksanakan adalah perlunya memakai Sadd al-Dharā'i dalam perkara yang harus yang boleh membawa kepada kerosakan. Lebih-lebih ke atas orang yang biasanya berbuat helah untuk menghalalkan yang haram dan terlepas daripada ketentuan-ketentuan agama, kerana

syarī'at yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw adalah untuk mendatangkan segala kebaikan dan menolak segala kerosakan. Hal ini boleh dilihat daripada maksud perbuatan yang dilakukan. Jika yang dimaksud adalah kerosakan dan bahaya, maka dilarang bahkan segala perantaranya juga dilarang, walaupun pada asalnya perantara itu harus.

Daripada keterangan ini nyatalah bahawa pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hambal adalah sangat sesuai dan bijaksana, bahkan wajib untuk dilaksanakan dan dipakai dalam menentukan sesuatu hukum.

Sadd al-Dharā'i merupakan sesuatu yang bersifat semula jadi yang telah dijadikan oleh Allah swt bagi setiap insan untuk menjaganya daripada kerosakan sosial, ekonomi, moral, politik, undang-undang, kesihatan dan segala yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Jika Sadd al-Dharā'i tidak digunakan dalam menentukan sesuatu hukum, maka akan timbul berbagai bentuk yang diharamkam serta kerosakan yang boleh membawa kepada kacau-bilau yang akhirnya membawa kepada kehidupan yang tidak bahagia, aman dan tenteram.(59)

Rujukan

1. Ali Mansur, Soleh bin Abdul Aziz *Usūl al-Fiqh wa Ibnu Taymiyah*, Tahun 1400H-1980M, Cet: Pertama, Juz: 2, hal: 489.
2. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 147.
3. al-Mālikī, Abū al-Qāsim Muhammad bin Ahmad bin Jizzī al-Kalabī al-Gharnāti, *Taqrīb al-Wusūl ilā Ilm al-Uṣūl*, Taḥqīq: Dr. Muhammad al-Amin al-Syinqiti, Maktabah Ibnu Taymiyah, al-Kāhirah Cet: Pertama, 1414H, hal: 416-417.
4. al-Syatibi, Abū Ishāk *al-Muwāfaqāt*, Juz: 4, hal: 198, al-Qarāfī, Syihābuddin Abu al-Abbās Ahmad bin Idris bin Abdul Rahman, *al-Furūq*, Ālam al-Kutub, Beirūt, Juz: 2, hal: 32, Ibnu Badrān, Abdul Qadīr bin Ahmad bin Mustafa al-Syaikh, *al-Madkhal Ilā Madhhab al-Imām Ahmad bin Hambal*, Dār Ihyā al-Turāth al-Arabi, hal: 138.
5. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 126.
6. al-Zuhaily, Dr. Wahbah, op.cit., Juz: 2, hal: 888, al-Syawkāni, Muhammad bin Ali bin Muhammad, *Irsyād al-Fuhūl*, Dār al-Fikr, hal: 246.
7. Abū Zahrah, Muhammad al-Imām, *Ibnu Hazm Hayātuhū wa 'Asruhu-Ārauhū wa Fiqhuhū*, Dar al-Fikr al-Arabi, hal: 473, Ibnu Hazm al-Zahiri, Abū Muhammad Ali bin Ahmad bin Said, *al-Ahkām fi Usūl al-Ahkām*, Dār al-Kutub al-Ilmiyah, Beirūt, Cet: Pertama, 1405H-1985M, Jilid: 2, hal: 180.
8. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 126.
9. Abdul Karīm Zaidān, *al-Wajiz fi Usūl al-Fiqh*, Muassasah al-Risālah, Maktabah al-Basyāir, Amman, Jordan, 1411H-1990M, cet: ketiga, hal: 248.
10. Abu Zahrah, Muhammad al-Imām, op.cit., hal: 473, Ibnu Hazm al-Zahiri, op.cit., Jilid: 2, hal: 180.
11. Ibnu Abidin, Muhammad Amin 'Abidīn, *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār 'alā al-Dur. al-Mukhtar*, Juz: 3, hal: 371.
12. al-Kasani, Alauddin Abu Bakr, *Badā'i al-Sonā'i*, Dār al-Kitāb, Beirūt, 1402H-1982M, Cet: kedua, Juz: Pertama, hal: 157.
13. al-Sarkhāsī, Syamsuddin, *al-Mabsūt*, Matba'ah Sa'ādah, Mesir, 1324H, Juz: 3, hal: 58-59.
14. Ibnu al-Humām, Kamāluddin Muhammad bin Abdul Wahīd, *Fath al-Qadīr*, al-Maktabah al-Tijāriyah, Juz: 4, hal: 387.
15. al-Marghināni, Ali bin Bakr, *al-Hidāyah*, Mustafa al-Halabi, tanpa tarikh, Juz: 2, hal: 32.
16. al-Burhāni, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 651.
17. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 305.
18. al-Syatibi, *al-Muwāfaqāt*, Juz: 3, hal: 305.
19. al-Qarāfī, op.cit., Juz: 2, hal: 32.
20. Husain Hamid Hassan, *Nazarīyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islāmi*, Maktabah al-Mutanabbi, Kāhirah, 1981M, hal: 289-291.
21. al-Syāfi'i, Muhammad bin Idrīs, *al-Umm*, al-Amīriyah, Juz: 3, hal: 272, Lihat "Husain Hamid Hassan", op.cit, hal: 392.

22. Husain Hamid Hassan, op.cit. hal:292-294.
23. al-Qarāfī, al-Furūq, op.cit., juz : 2, hal: 32.al-Syātībī, Abī Ishāk, al-Muwāfaqāt, juz : 4, hal : 198.
24. al-Fairūz Abādi, Abū Ishāk Ibrahim bin Ali, al-Syūrōzi, al-Muhadhdhab, 'Isā al-Halabī, Juz: 1,hal:110.
25. Ibid, hal: 408.
26. al-Suyūti, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abi Bakr., al-Imām, al-Asybah wa al-Nazāir fi al-Furū', Dār al-Fikr, hal: 102.
27. al-Syātībī, op.cit., al-Muwāfaqāt, Juz: 4, hal: 169.
28. Ibid.,Juz: 4, hal: 199-200.
29. Ibnu Qayyim, op.cit.,Juz: 3, hal: 164.
30. Ibid, hal: 170.
31. Abu Zahrah, Muhammad, al-Imām, Ibnu Hambal Hayātuhu wa 'Asruhu - Arahu wa Fiqhuhu, Dār al-Fikr al-Arabi, hal:334.
32. Ibnu Hazm al-Zāhiri, Abū Muhammad Ali bin Ahmad bin Said,op. cit., jilid: 2, hal: 180.
33. al-Zuhaily, Dr Wahbah, op.cit., hal: 904, Ibnu Hazm al-Zāhiri, op.cit., hal: 191.
34. al-An'am, ayat: 119.
35. al-Baqarah, ayat: 29.
36. Ibnu Hazm al-Zāhiri, op.cit., hal: 181.
37. al-Zuhaily, Dr Wahbah, op.cit., hal: 904.
38. Yunus, ayat: 36.
39. Abu Zahrah, Muhammad al-Imām, Ibnu Hambal Hayātuhu wa Asruhu Arahu wa Fiqhuhu, Dār al-Fikr al-Arabi, hal:337-340.
40. Ibnu Hazm al-Zāhiri, op.cit., hal: 191-192.
41. Ibid, hal: 191.
42. al-Fath, ayat: 12.
43. Adalah: seorang ulama Mesir masa kini yang sudah tidak asing lagi di kalangan umat Islam khususnya para pendukung dakwah Islamiyah sama ada di dunia Arab dan bukan Arab. Di antara karangannya adalah kitab Fiqh al-Zakāh dan al-Halal wa al-Haram fi al-Islām.
44. Ibnu Hajar, op.cit., Juz: 5, hal: 37-38, Hadith no: 893.
45. el-Qardhāwi, Yusof, Dr, Fatwa-Fatwa Semasa, Terjemah: Ustaz Sulaiman Ibrahim, Pustaka Aman Press SDN BHD, Kelantan, Th:1992 M, cet: Pertama, hal: 49-60.
46. Ibid, hal: 211- 212.
47. Ibid, hal:230- 235.
48. Adalah: seorang ulama masa kini yang sudah tidak asing lagi di kalangan umat Islam, khususnya di kalangan umat Islam Arab Saudi.
49. Abdul Rahīm, Ashraf bin Abdul Maqṣūd, Fatwa al-Syaikh Muhammad al-Soleh al-Uthaymin, Dar alam al-Kutub, Riyādh, KSA, 1411 H-1991 M, cet: Pertama,Juz: 2 hal: 897-898.

50. Ibid, hal: 901.
51. Ibid, hal: 958.
52. Adalah: satu badan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja untuk membincang dan mengeluarkan fatwa tentang sesuatu hukum mengenai sesuatu perkara yang baru timbul yang tidak didapati hukum mengenainya di dalam al-Qur'an, Hadith Rasulullah dan ijma' para ulama.
53. Risalah Rasmi Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia 15 Mac 1984.
54. Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia, ke: 35, 19 Julai 1994 M.
55. Adalah: Datu Maharaja Seri Dato' Seri Utama Awang Hj. Ismail Omar Abdul Aziz.
56. Omar Abdul Aziz, Awang Hj. Ismail, Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama, Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, Fatwa berturut-turut, bilangan: 63, Tahun: 1408H-1988M, Pejabat Mufti, Kementerian Hal Ehwal Agama Negara Brunei Darus Salam, hal: 36 - 40.
57. Ibid, bilangan: 62, Tahun 1407 H- 1987 M, hal: 8-9.
58. Ibid, hal: 12 - 13.
59. Ali Mansur, Soleh bin Abdul Aziz, op.cit., hal: 805.
60. al-Zuhaily, Dr Wahbah, op.cit., Juz: 2, 898-899.
61. al-Syawkāni, Muhammad bin Ali bin Muhammad, al-Qawl al-Mufīd fī Adillah al-Ijtihād wa al-Taqlīd, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, hal: 23-24, Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 1, hal: 263-266, Madkūr, Dr. Abdul Hamid, al-Manhaj fī Ilm Usul al-Fiqh, Jami'ah al-Amīr Abdul Qadir li al-Ulūm al-Islāmiyah, al-Jazair, al-Ma'had al-'Ālami li al-Fikr al-Islāmi, hal: 21-22.

